

10 DEC 1999

Reaksi-Dompok

DOMPOK SIFATKAN PELANTIKANNYA SATU PENGHARGAAN KEPADA KADAZANDUSUN

KOTA KINABALU, 10 Dis (Bernama) -- Presiden Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Bersatu (Upko) Tan Sri Bernard Dompok menyifatkan pelantikannya sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam barisan kabinet Persekutuan yang baru, satu penghargaan kepada masyarakat Kadazandusun di Sabah.

Beliau berkata pelantikan itu akan membolehkan beliau memberi sumbangan lebih berkesan kepada rakyat Sabah khususnya masyarakat Kadazandusun.

"Pelantikan saya sebagai menteri merupakan satu pengiktirafan kepada kaum Kadazandusun yang telah memberikan sokongan padu kepada Barisan Nasional pada pilihan raya umum baru-baru ini," katanya kepada pemberita ketika ditemui di kediamannya hari ini.

Selain Dompok, turut dilantik daripada suku kaum itu ialah Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Tan Sri Kasitah Gaddam dan Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan Rizalman Abdullah.

Beliau berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana melantiknya.

Ketua Wanita Umno Sabah Datuk Norjan Khan Bahadar berkata beliau menganggap pertambahan wakil daripada Sabah iaitu dari dua kepada tiga menteri merupakan tanda penghargaan Perdana Menteri terhadap kepimpinan BN di negeri itu.

"Kita berasa bangga sebab ini adalah satu penghargaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada kewibawaan kepimpinan BN Sabah yang jelas terbukti pada pilihan raya negeri dan parlimen," katanya.

Dalam pilihan raya umum lepas, BN memenangi 17 daripada 20 kerusi parlimen di Sabah.

-- BERNAMA

TM MAI